



No. Rujukan Kami : PERMATA 100-1/311 (41)
Tarikh : 18 Januari 2017

YBhg. Datuk Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51 Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W. P. Putrajaya

YBhg. Datuk,

SEMINAR JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK: HENTIKAN !!
13 – 14 MAC 2017, PWTC KUALA LUMPUR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jawatankuasa Bertindak (*Task Force*) Berkenaan Isu-Isu Jenayah Seksual Kanak-Kanak dengan kerjasama Program PERMATA akan menganjurkan Seminar Kebangsaan Jenayah Seksual Kanak-Kanak: HENTIKAN!! pada 13 hingga 14 Mac 2017 bertempat di PWTC (Pusat Dagangan Dunia Putra), Kuala Lumpur. Seminar ini akan mengetengahkan isu-isu berkaitan jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak termasuk aspek perundangan serta tindakan pencegahan bertujuan menggalakkan penglibatan secara bersama semua pihak yang berkepentingan dalam menangani dan menghentikan isu-isu jenayah seksual kanak-kanak. Jawatankuasa Penganjur dengan kerjasama PERMATA sangat berbesar hati untuk menganjurkan seminar ini sebagai platform menyokong usaha Kerajaan dalam membawa perubahan legislatif mencegah jenayah seksual kanak-kanak serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang seriusnya jenayah seksual ini sebelum Rang Undang-undang Jenayah Seksual Kanak-kanak atau *Child Sexual Crimes Bill* diluluskan.


3. Sehubungan itu, Jawatankuasa Penganjur dengan sukacitanya menjemput penyertaan seramai **dua puluh (20) orang pegawai kementerian** dan **satu ratus empat puluh sembilan (149) wakil Pihak Berkuasa Tempatan** yang terlibat dalam segi penyeragaman dasar dan perundangan serta memberi khidmat nasihat kepada komuniti tempatan mereka untuk hadir ke Seminar Kebangsaan Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!!

Jawatankuasa Penganjur berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran dan penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan ke seminar ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in blue ink, appearing to be 'Siti Azidah Sheikh Abod', with a horizontal line underneath.

(DATUK SERI SITI AZIZAH SHEIKH ABOD)

Pengerusi

Jawatankuasa Penganjur

Seminar Kebangsaan Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!!